## Buku Pilihan



**KUMPULAN PUISI**

### Suara Pelaut



**Kumpulan** puisi karya Zambry AK menyorot luahan puitis daripada anak perkampungan nelayan kepada ahli politik dan Menteri Besar Perak, sekali gus merakam denyut nadi perjuangan bangsa dan negara.

Buku yang dibahagikan kepada gugusan puisi *Salam dari Pulau, Generasi Putera Malaysia, Mencari Cinta, Membina Diri* dan *Cahaya ini*, turut diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Malim Ghozali PK.

- **Harga:** RM40
- **Terbitan:** Institut Darul Ridzuan
- **Halaman:** 183
- **Penilaian:** ★★★★

**KUMPULAN CERPEN**

### Inspirasi Cinta

**Kumpulan** cerpen Rozninah Abd Azib menghimpunkan 16 cerpen yang berpaksi pada kehidupan yang bergerak daripada dua sisi pengalaman pengarangnya, alam muda yang sarat pancaroba dan dunia ibu yang mencabar dalam mendidik anak remaja.

Meskipun sasarannya adalah remaja, buku ini mengungkapkan tema yang besar mencakupi persoalan bahasa, budaya dan politik yang memanfaatkan sudut pandangan yang mewakili pelbagai generasi untuk menyempurnakan pesan dan teladan.

- **Harga:** RM30
- **Terbitan:** Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
- **Halaman:** 255
- **Penilaian:** ★★★★

**NOVEL REMAJA**

### Aziera & Kawan-kawan

**Novel** karya Salbie Salleh menghiburkan pembaca dengan kisah kumpulan pelajar nakal, Afha, Bong dan Boxer yang menimbulkan keributan di sekolah dengan usikan nakal yang memeningkan guru serta mengganggu rakan-rakan.



Berbekalkan ramuan kerenah pelajar awal remaja, buku ini menampilkan kisah Aziera dalam dua fragmen, iaitu bersama keluarga di kampung dan rakan-rakan di sekolah dengan menggunakan gaya bahasa yang sederhana.

- **Harga:** RM13.90
- **Terbitan:** KarnaDya Solutions Sdn Bhd
- **Halaman:** 152
- **Penilaian:** ★★★

## Laris di Pasaran

### MPH — 12 Ogos 2012

**Bukan Cereka**
- ***Dulu Pencuci Kini Pengurus*** oleh Mohd Rafi Jalaluddin
- ***Biografi Agung Rasulullah Sallallahu Alayhi Wasallam*** oleh Rusydi Ramli Al-Jauhari
- ***100 Pesanan Terakhir Rasulullah*** oleh Muhd Nasruddin Dasuki
- ***Tuhan Sedang Menguji Kita*** oleh Kazim Elias
- ***Di Mana Dia Di Hatiku? ALLAH itu Hampir Tapi, Kenapa Aku Masih Meminggir? Akalku Alpa Berfikir, Hatiku Lupa Berzikir...*** oleh Pahrol Mohd Juoi

**Cereka**
- ***Siapa Orang Gajiku*** oleh Azimah Lily
- ***Hello, Mr Perfect!*** oleh ***Waniey Zakaria***
- ***Sunan Musafir*** oleh Ramlee Awang Murshid
- ***Suami Aku Ustaz*** oleh Hannah Dhaniyah
- ***Protect the Boss*** oleh Ellyne Alyana

Sumber: MPH Midvalley Megamall, **www.mphonline.com**

### POPULAR — 22 Julai 2012

**Bukan Cereka**
- ***1 HARI 1 RESIPI: 365 Resipi Istimewa Chef Hanieliza*** oleh Chef Hanieliza
- ***Anda Bertanya Ustaz Azhar Idrus Menjawab Berkenaan Permasalahan Semasa*** oleh Azhar Idrus
- ***Art of Deception*** oleh Jerry D Gray
- ***Tuhan Sedang Menguji Kita*** oleh Kazim Elias
- ***Doktor Umum: Memoir Tun Dr Mahathir Mohammad*** oleh Tun Mahathir Mohammad

**Cereka**
- ***Takdir Itu Milik Aku*** oleh Siti Rosmizah
- ***Siapa Orang Gajiku*** oleh Azimah Lily
- ***Hello, Mr Perfect*** oleh Waniey Zakaria
- ***Kerana Terpaksa... Aku Relakan*** oleh Umie Nadzimah
- ***Protect The Boss*** oleh Ellyne Alyana

Sumber: Popular Book Co Sdn Bhd, **www.popular.com.my**

---

**Balqis Suja'** ialah Pustakawan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berpendidikan Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Sarjana di UIAM dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Persatuan Pustakawan Malaysia, turut mengasas dan mempengerusikan Kumpulan Perpustakaan Islam.

Buku yang dihasilkannya ialah *Subject Headings on Islam and the Muslims: A Compilation According to LCSH* diterbitkan IIUM Press pada 2011.






Balqis Suja'

# Kepustakawanan dan Perpustakaan Islam

» *Menyorot kegemilangan tradisi ilmu, membangun khazanah masa kini*

**Oleh Nazmi Yaakub**
nazmi@bharian.com.my

**B**uku *Islamic Librarianship and Malaysian Islamic Libraries* karya Balqis Suja' mencungkil sejarah perpustakaan Islam yang pernah mewakili tradisi ilmu dalam peradaban Islam, sekali gus menyorot kedudukan kutubkhanah itu pada kepustakaan Islam tanah air.

Tidak keterlaluan untuk menganggap perpustakaan Islam menjadi antara mercu tanda kepada peradaban Islam dari zaman kegemilangannya, iaitu Khilafah Umayyah pada abad ke-7 apabila ia dibangunkan daripada kesarjanaan dan kegemaran pada buku.

Pelopor kepada perpustakaan Islam seperti yang dikongsi oleh pengarang ialah Putera Khalid bin Yazid bin Mu'awiyah, iaitu saintis Islam yang turut diperakui oleh *Ensiklopedia Islam* apabila cucu Sahabat Rasulullah SAW itu memudahkan capaian umum kepada buku ketika negaranya dilanda epidemik.

Bagaimanapun, perpustakaan Islam benar-benar menjelma sebagai institusi awam apabila Khalifah Harun al-Rashid membangunkannya pada pemerintahan Khilafah Abbasiyyah dan mencapai zaman keemasan ketika pemerintahan al-Ma'mun yang turut dipanggil *Khizanah al-Hikmah.*

Daripada sejarah ringkas tetapi bermakna itu, pengarang memberikan definisi perpustakaan Islam tidak hanya dalam konteks memiliki koleksi buku yang berorientasikan Islam atau karya bahasa Arab, bahkan mengingatkan pembaca terhadap cermin terhadap Islam itu sendiri.

Kefahaman terhadap kedudukan perpustakaan Islam sama ada dalam tradisi keilmuan Islam atau ranah negara Islam moden masa kini sebenarnya mendedahkan betapa institusi itu seolah-olah diremehkan ummah atau terputus daripada masyarakat Islam.

Sejarah emas kepustakaan Islam dalam ranah keilmuan dan peradaban itu seharusnya menyedarkan pembaca terhadap kepentingan memberikan makna sebenar kepada perpustakaan Islam yang tumbuh di negara ini.

Apatah lagi, Malaysia memiliki perpustakaan Islam yang terbaik di rantau Asia Pasifik, iaitu Perpustakaan Institut Tamadun dan Pemikiran Islam Antarabangsa (ISTAC) atau nama barunya, Perpustakaan Syed Naquib al-Attas sempena pengasasnya, iaitu tokoh intelektual Islam, Prof Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Menariknya, buku ini secara tidak langsung merintis ruang kepustakaan Islam untuk dimaju dan dikembangkan sama ada secara teoretikal atau praktikal apabila menyediakan senarai perpustakaan Islam di negara ini.

Pengarang membahagikan perpustakaan Islam kepada enam kategori, iaitu institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan kolej awam; universiti dan kolej swasta; perpustakaan awam; jabatan kerajaan; badan berkanun dan institusi swasta; persatuan serta kumpulan.

**ISLAMIC LIBRARIANSHIP AND MALAYSIAN ISLAMIC LIBRARIES**

**Penulis:** Balqis Suja'
**Tebal:** 122 halaman
**Penerbit:** Read Resources Sdn Bhd
**Bintang:** ★★★★★

DUNIA BUKU

Buku ini turut menyelongkar kepentingan perancangan untuk membangunkan perpustakaan Islam di masjid yang sebenarnya sudah pun tercetus seawal 1993 lagi, sekali gus masih memerlukan dokongan dan bantuan pelbagai pihak.

Pengarang turut menyorot bidang kebitaraan baru, iaitu kepustakawanan Islam yang sudah tentu berbeza daripada perspektif Barat, selain memperkatakan isu semasa yang berkaitan.

Buku yang diangkat daripada kertas kerja Kongres Pustakawan dan Sains Maklumat Muslim Ke-5 pada 2008 ini, boleh dianggap landasan awal untuk menterjemah dan membangunkan perpustakaan Islam dengan lebih holistik dan berkesan kepada ummah dan dunia.